

PENA PENYULUH ALAM

MOHD NOOR RAMLAN

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
26400 Bandar Jengka, Pahang.
MALAYSIA

ABSTRAK

Dunia yang dikatakan berada dalam zaman teknologi maklumat, globalisasi dan dunia tanpa sempadan sekarang ini, cabaran mengenai dunia penulisan, terutama penulisan ilmiah dirasakan semakin bertambah hebat. Cabaran ini harus ditangani dengan bijaksana supaya kita tidak akan tenggelam atau leka dalam menyumbang dan menyemarakkan lagi dunia penulisan supaya tidak layu mengikut peredaran masa.

Kata Kunci: Ilmu, Membaca, Pendidikan

PENGENALAN

Sudah tentu anugerah yang paling bernilai bagi seorang manusia ialah otak dan akalnya⁽¹⁾. Dari situ lahirlah naluri manusia yang paling berharga iaitu semangat/sifat ingin tahu⁽²⁾. Dari situ manusia akan mencari, meneroka, menempuh cabaran dan mencuba. Bertolak dari naluri yang paling berharga itulah manusia akan berbuat apa sahaja bagi memenuhi keinginannya itu. Untuk itu manusia akan belajar atau menuntut ilmu. Pengertian ilmu dijelaskan dengan mendalam oleh Syed Naquib Al-Attas^(3,4). Belajar atau menuntut ilmu adalah aktiviti utama hidup bermatlamat untuk kesejahteraan dan untuk menjaga kesejahteraan alam. Menuntut ilmu bukan bukan bertujuan untuk menguasai alam, atau melacurkan alam⁽⁵⁾, tetapi untuk dikagumi akan tanda-tanda kekuasaan penciptanya. Menuntut ilmu mestilah juga dengan guru dan juga pembacaan.

Oleh itu tugas seorang manusia yang paling utama ialah untuk menuntut ilmu. Menuntut ilmu ada berbagai-bagai kaedah. Kaedah saintifik merupakan salah satu kaedah menuntut ilmu⁽⁶⁾. Bagi seseorang manusia menuntut ilmu tujuannya ialah untuk melenyapkan kejahilan (hendak menjadi cerdik), beramal dengan ilmu itu dan menyebarkan ilmu itu. Ilmu pengetahuan akan membawa kefahaman, kebenaran, keadilan, keberanian dan kemurahan hati. Menyampaikan ilmu itu sebenarnya adalah tugas semua manusia dan bukan sahaja tugas kakitangan akademik universiti. Dengan itu juga tugas menyampaikan ilmu ini tugas semua manusia apatah lagi lebih-lebih penting bagi pensyarah universiti.

BUDAYA MEMBACA

Bila memperkatakan mengenai ilmu, kita tidak lari dari membincangkan juga mengenai pembacaan dan juga pendidikan itu sendiri. Di zaman ini untuk memperolehi ilmu salah satu aktiviti yang paling penting ialah pembacaan. Ini bermakna membaca merupakan kegiatan paling utama untuk memperolehi ilmu pengetahuan. Bolehlah dikatakan orang yang berilmu itu memang kuat membaca. Walaupun secara asasnya membaca itu ialah aktiviti untuk mendapat maklumat. Namun maklumat yang didapati, difikir, diproses, direnung dan bincangkan sehingga faham akan menjadi ilmu pengetahuan. Malah ada yang berpendapat ilmu pengetahuan tidak dinamakan ilmu sekiranya tidak dirasakan oleh 5 pancaindera, akal dan juga hati.

Di zaman awal kegemilangan Islam, apa yang orang-orang Islam buat ialah mengumpulkan buku-buku dari Greek, Parsi dan China⁽⁷⁾. Selepas itu kira-kira 1000 tahun berikutnya mereka sendiri, memperbetulkan pemerhatian lama dan memberi lembaran baru dalam bidang sains. Mereka hanya menumpukan fakta dan mempinggirkan andaian dan juga mereka memberatkan penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa universal. Mereka telah menterjemahkan semua ilmu pengetahuan ke dalam Bahasa Arab.

Tidak salah apabila menyatakan bahawa di zaman kegemilangan Islam, budaya membaca begitu subur. Sikap cendikiawan Islam juga begitu mengagumkan. Imam Shafie telah menghafaz Al Quran semasa berumur sepuluh tahun dan layak memberi fatwa ketika berumur 15 tahun. Ibnu Sina telah membaca semua buku di zamannya semasa berumur 17 tahun. Al Jahiz amat gemar membaca buku sehingga mati kerana ditimpa buku.

Mengapa zaman kegemilangan ini boleh hancur? Sebabnya ialah di zaman kejatuhan, orang Islam sudah selesa dan alpa⁽⁷⁾. Umat Islam telah kehilangan kreativiti. Mungkin umat Islam sudah menjadi malas, tidak seronok belajar mencari ilmu untuk mengenali Allah dan sudah “tidak menggunakan otak lagi”. Adalah ditegaskan di sini bahawa untuk mencari ilmu seseorang itu perlu “seronok” untuk menuntut ilmu dan juga seseorang perlu merangsang penggunaan mindanya. Ini kerana otak adalah seperti organ Biologi yang lain yang perlu sentiasa diguna dan dirangsang agar ia terus subur dan tidak lemah⁽⁸⁾.

Oleh itu tidak salah kalau dikatakan bahawa antara punca-punca kejatuhan zaman kegemilangan Islam ialah kerana kealpaan sehingga kurang menggunakan otak (akal), kurang semangat ingin tahu, ‘complacent’ sehingga menurunnya minat membaca di kalangan umat Islam sendiri. Malah menurut Prof. DiRaja Ungku Aziz, lambat berkembangnya tamadun Islam adalah kerana ada pendapat di kalangan pemerintah dan ulamaknya yang mengatakan “percetakan itu adalah dari syaitan”. Akibatnya, beratus tahun selepas itu, orang Islam rugi⁽⁹⁾. Semangat ingin tahu orang Islam sudah mulai pudar⁽¹⁰⁾. Ini bermakna aktiviti pembacaan

dan penulisan menjadi agak malap dan agak tertinggal di dunia Islam dan seterusnya ini juga menjadi satu sebab utama kejatuhan empayar Islam.

KURANG MEMBACA

Tajuk “PENA Penyuluhan Alam” merupakan satu pepatah. Pepatah ini cuba menunjukkan betapa pentingnya penulisan dalam kehidupan manusia di alam ini, peranan penulisan dalam kemajuan dan pembinaan tamaddun manusia. Sama juga dengan pepatah “mata pena itu lebih tajam dari mata pedang”, “The ink of the man of knowledge is more worthy than the blood of martyr” dan lain-lain lagi yang seumpamanya. Semuanya itu cuba menggambarkan betapa pentingnya penulisan dalam pengembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan.

Apabila memperkatakan mengenai penulisan, adalah penting juga disentuh mengenai pembacaan dan juga budayanya. Iaitu budaya yang menggalakkan pembacaan dan penulisan dan kedua-duanya sekali.

Satu persoalan yang sukar untuk dijawab ialah persoalan mengenai benarkah masyarakat kita sekarang kurang membaca? Sukar untuk dijawab persoalan itu. Namun perlu diperingatkan bahawa kajian oleh Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan Malaysia sekitar tahun 80-an menunjukkan secara purata rakyat Malaysia membaca satu setengah muka surat setahun. Kajian oleh Perpustakaan Negara Malaysia pula menunjukkan rakyat Malaysia membaca dua naskah buku setahun⁽¹¹⁾. Malah pelajar-pelajar universiti juga kurang membaca buku selain dari nota kuliah⁽¹²⁾. Ini berbeza dengan sasaran UNESCO agar setiap orang membaca sekurang-kurangnya 80 muka surat setahun.

Jika benar budaya kurang membaca ini sedang menjalar dalam masyarakat kita, ia sesuatu yang harus dirisaukan dan perlu diselidiki puncanya. Antara faktor-faktor yang mungkin menyebabkan masyarakat kita agak kurang membaca ialah:

- a) Mungkin sistem pendidikan kita kurang menggalakkan pelajar untuk membaca lebih, selain dari buku teks. Ini kerana sistem kita agak berorientasikan peperiksaan. Pengajar juga kurang motivasi untuk mengajar lebih kerana takut kalau “keluar” silibus.
- b) Pelajar kita mungkin kurang mempunyai masa untuk membaca, sama ada untuk membaca lebih dari buku teks atau membaca untuk mengisi masa. Membaca memerlukan masa dan elemen seronok membaca. Jika ada minat membaca, keutamaan adalah terhadap aspek-aspek lain seperti hiburan.
- c) Belajar menjadi satu perkara yang bukan menyeronokkan, tetapi satu perkara yang membebangkan. Pelajar-pelajar seolah-olah tertekan untuk belajar. Walhal sepatutnya tidak begitu.

- d) Pelajar-pelajar terutamanya pelajar Melayu dikatakan sudah kurang minat belajar⁽¹³⁾.
- e) Ada pilihan lain untuk mendapatkan maklumat seperti kelengkapan audio-visual dan juga komputer internet.
- f) Kurangnya penerbitan buku ilmiah terutama yang ditulis oleh penulis-penulis tempatan. Ini disebabkan penerbitan ilmiah biasanya tidak menguntungkan sebagaimana penerbitan-penerbitan lain. Banyak penerbitan yang ditumpukan kepada bahagian yang menguntungkan seperti menerbitkan buku teks sekolah atau buku-buku yang seumpamanya.
- g) Buku yang mahal. Mungkin kerana memang benar buku itu mahal, atau kurang mampu atau kurang memberi keutamaan.

KURANG MENERBITKAN BUKU

Mungkin hanya satu andaian, tetapi agak sukar untuk menolak kenyataan bahawa para pensyarah atau orang-orang intelek terutamanya di Malaysia masih kurang menghasilkan penerbitan terutamanya buku. Mengapakah ini berlaku? Agak sukar untuk menjawab, tetapi antara faktor-faktornya ialah:-

- a) Memang orang itu tidak berminat untuk menulis. Ini kerana menulis merupakan satu kemahiran. Bahkan menulis perlukan banyak pengorbanan.
- b) Menulis buku terutama buku ilmiah adalah kurang atau sama sekali tidak menguntungkan. Banyak penerbit buku di Malaysia mengakui perkara ini.
- c) Di Institusi Pengajian Tinggi Awam, sesuatu subjek/matapelajaran adalah ditentukan oleh silibus. Biasanya isi kandungan silibus ditentukan oleh universiti dan diambil dari berbagai-bagai buku. Bila ini berlaku ramai pelajar akan hanya mengharapkan nota kuliah, sebab pelajar akan tidak mampu untuk membeli semua buku yang disenaraikan. Ada silibus yang sebahagian besarnya diambil dari satu buku, bahkan ada yang seratus peratus diambil dari satu buku. Biasanya pelajar akan merujuk atau membeli buku ini. Ini satu strategi pemasaran yang baik untuk mlariskan buku, tetapi berapa ramai tenaga akademik yang mengambil peluang ini? Ramai yang akan terus menggunakan buku rujukan utama terutama dari luar negara sebagai teks utama.

Di kebanyakan negara seperti Amerika Syarikat, sesuatu kursus biasanya menggunakan silibus dari satu buku teks. Bahkan ada kursus yang sepenuhnya diambil dari satu buku. Struktur kursus diubahsuai sehingga menyebabkan pelajar membeli buku. Buku pula boleh dibeli dengan murah dengan berbagai-bagai kemudahan pembayaran. Sebagai tenaga akademik adalah agak mudah memberi

kuliah dengan bergantung kepada satu buku. Namun ini sepatutnya hanya diperingkat permulaan. Sepatutnya kebergantungan itu di tukar kepada bergantung kepada buku teks tulisan sendiri, atau sekurang-kurangnya bergantung kepada satu buku teks rakan-rakan tempatan. Budaya ini perlu diubah segera kerana jika tidak selamanya nanti kita akan dijajah, penjajahan minda dan pemikiran dan selamanya nanti kita akan jadi “bangsa pengguna” dan asyik mengikut telunjuk negara/bangsa tertentu⁽¹⁴⁾.

Ada pihak pula berpendapat bahawa ilmuan di Malaysia tidak diberikan penghormatan yang sepatutnya, bukan dari sudut pangkat dan wang ringgit tetapi terdapat sindrom yang dipanggil “memonopoli publisiti”⁽¹⁵⁾. Ini juga secara tidak langsung agak merencangkan kegemerlapan budaya penulisan di kalangan para ahli akademik.

KESIMPULAN.

Walaupun sekarang kita hidup di dalam zaman teknologi maklumat, dengan berbagai-bagai kemudahan teknologi komunikasi, adalah dirasakan teknologi-teknologi tersebut masih tidak merendahkan mertabat dan peranan buku dalam penyebaran ilmu. Peranan buku juga budaya menulis dan membaca mestilah disuburkan seiring dengan cita-cita memajukan negara. Peranan para ilmuan dalam penulisan adalah menjadi satu perkara yang amat penting. Semangat jati diri perlu ada dalam setiap tenaga akademik untuk menghasilkan penulisan ilmiah.

RUJUKAN

- Hamka. 1964. *Falsafah Hidup*. Pustaka Antara Press, Kuala Lumpur.
- Gelb, M.J. 1998. *How to Think Like Leonardo da Vinci*. Dell Publishing Company.
- Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas. 1985. *Islam, Secularism and the Philosophy of the Future*. Mansell Publishing Limited,
- Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas. 1979. *Aims and Objectives of Islamic Education*. King Abdul Aziz University, Jeddah.
- Nasr, S.H. 1968. *Man and Nature*: George Allen and Unwin.
- Ziauddin Sardar. 1985. *Arguments for Islamic Science*. Centre for Studies on Science, Faridi House, Sir Syed Nagar, Aligarh-202 001, India.

- Ali Kettani, M. 1988. *Science and Technology in Islam: The Underlying Value System. Dalam The Touch of Midas. Science, Values and Environment in Islam and the West.* Eds. Ziauddin Sardar. Pelanduk Publication, 1988.
- Pinel, J.P.J. 1997. *Biopsychology.* Allyn & Bacon
- Prof DiRaja Ungku Aziz. Syarahan di Majlis Sanggar Buku dan Bicara Minda, *BIROTEKS UiTM*, 3 Oktober 2000, Pusat Inovasi, UiTM Shah Alam.
- Pervez Hoodbhoy 1992. *Islam and Science: Religious Orthodoxy and the Battle for Rationality.* S Abdul Majeed & Company.
- Hashim Md Isa. 1998. *Penerbitan, pasaran buku ilmiah semakin lesu.* Berita Harian, 13 Oktober.
- Nur Atiqah Abdullah, Nik Mu'tasim Hj Nik Abdul Rahman. 2001. *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kecenderungan Membaca Buku Teks di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.* Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Vol 3. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Prof Di Raja Ungku Aziz. 2003. *Melayu dan Pemikiran Ungku Aziz.* Mingguan Malaysia 9 March 2003.
- Chandra Mudzaffar. 2003. *Empayar Global Pertama.* Mingguan Malaysia. 30 March, 2003.
- Syed Hussein Al-Attas. 2003. *Syed Hussein Terus Bersuara.* Berita Minggu, 30 March, 2003.